

CNS1505

U GB 08-03 00156 BA881

BAH

Mahathir - Inggeris

I

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Bahasa Inggeris mungkin dijadikan sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan jika mutu penggunaan bahasa itu di kalangan para pelajar terus merosot, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri yang bimbang dengan kemerosotan penggunaan bahasa Inggeris itu berkata bahawa penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia adalah amat penting sekali.

+Di zaman moden ini pengetahuan terhadap satu bahasa sahaja tidak mencukupi dan bahasa Inggeris diiktiraf sebagai bahasa antarabangsa,+ katanya kepada pemberita di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap Kementerian Pendidikan, ibu bapa dan guru-guru mengambil tindakan perlu sebagai usaha meningkatkan pencapaian penggunaan bahasa Inggeris di kalangan para pelajar pada masa akan datang.

Katanya, cadangan untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran yang setiap pelajar perlu lulus dalam peperiksaan telah beberapa kali dibuat oleh beberapa pihak tetapi kerajaan belum lagi membuat keputusan mengenainya. -- Lagi.

♥08/03/15-29MST

CNS1507

U GB 08-03 00079 BA882

BAH

Mahathir - Inggeris 2 Kuala Lumpur

+Tetapi kalau keadaan merosot, mungkin kita terpaksa mengkaji untuk menjadikannya sebagai mata pelajaran wajib,+ tambah beliau.

Bahasa Inggeris sekarang ialah mata pelajaran wajib dalam kelas tetapi tidak wajib dalam peperiksaan. Sebagai contoh, seseorang pelajar yang gagal dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peperiksaan SPM masih boleh lulus peperiksaan tersebut.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau menyerahkan kepada Kementerian Pendidikan untuk mengambil tindakan lanjut. -- Bernama.

♥08/03/15-32MST